

Jingga 13 dakwa Soi Lek hina Islam, tuntutan minta maaf
The Malaysian Insider
31 Oktober , 2011
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 31 Okt – Jingga 13 hari ini menggesa Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek membuat permohonan maaf secara terbuka kepada umat Islam kerana didakwa menghina hukum hudud dan Islam dalam satu kenyataan disiarkan akhbar tempatan kelmarin.

Beliau diminta meminta maaf dalam tempoh 48 jam selepas satu laporan polis dibuat terhadapnya di ibu pejabat polis Daerah Dang Wangi petang ini.

Ketua Koordinator Jingga 13, Fariz Musa berkata Dr Chua dipercayai telah membuat kenyataan menghina Islam dalam artikel tersebut yang antaranya menyebut, "hukum hudud akan menjadikan negara ini mundur dan menakut-nakutkan pelabur" dan juga "sebahagian negara yang melaksanakan hukum hudud sebagai berundur ke belakang" serta "masyarakat bukan Islam juga terkesan, terutamanya di bidang ekonomi dan pendidikan."

"Jingga 13 dengan tegas menuntut Soi Lek membuat permohonan maaf secara terbuka kepada umat Islam di negara ini kerana kenyataannya dengan jelas telah menghina hukum Hudud dan agama Islam.

"Kenyataan itu biadap, dan merupakan satu penghinaan kepada agama Islam sebagai agama rasmi dan juga Yang di-pertuan Agong selaku ketua agama Islam di negara ini," tegas Fariz selepas laporan polis tersebut dibuat.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/jingga-13-dakwa-soi-lek-hina-islam-tuntut-minta-maaf/>